

Markah penuh : 100**1.0 Tujuan pengujian:** Untuk menguji kebolehan calon dalam:

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

KERTAS 1

BAHAGIAN A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	KRITERIA
Cemerlang 26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan menepati tema/tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> • Idea relevan dengan tema/tugas bahan rangsangan. • Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. • Penggunaan ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Laras bahasa yang sesuai mengikut tugas. • Wacananya lengkap. • Pemerenggan sesuai. Ungkapan menarik : <i>Peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.</i>
Kepujian 20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan menepati tema/tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> • Idea relevan dengan tugas bahan rangsangan. • Huraian jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca betul dan tepat. • Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. • Penggunaan kosa kata luas. • Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.

	<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas. • Wacananya lengkap. • Pemerenggan sesuai.
Memuaskan 15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan masih menepati tema/tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> • Idea masih relevan dengan tugas bahan rangsangan. • Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. • Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan kosa kata masih luas /terhad. • Unsur bahasa masih bervariasi <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. • Wacananya masih lengkap. • Pemerenggan masih sesuai.
Pencapaian Minimum 10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema/ Tugas</u> • Karangan kurang menepati tugas bahan rangsangan. <u>Idea</u> • Idea kurang relevan dengan tugas bahan rangsangan. • Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> • Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. • Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. • Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. • Penggunaan kosa kata terhad. • Unsur bahasa kurang bervariasi. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Wacananya kurang lengkap. • Pemerenggan kurang sesuai.

Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum 01 – 09 (06 – 09) (01 – 05)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. • Idea tidak menepati tema/ tugas bahan rangsangan.
---	---

GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 1 – 1103/1

Bahagian A (30 markah)

1. Format penulisan komen :

- T** - menepati tugas
- I** - idea relevan, huraian jelas
- B** - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas
- P** - pengolahan menarik dan berkesan

Maklumat di bawah adalah berkaitan dengan masalah buli.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **masalah buli di sekolah**.*

*Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.*

2. Kehendak soalan:

1. Calon dikehendaki menghuraikan **cara-cara/usaha-usaha/langkah-langkah untuk mengatasi masalah buli di sekolah**.
 - mengadakan program kesedaran
 - didikan agama dan moral daripada ibu bapa
2. Dalam konteks penandaan, calon perlu **akur** terhadap kepanjangan karangan iaitu **antara 150- 200 patah perkataan**.
3. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
4. Jika calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **cara-cara mengatasi masalah buli di sekolah**, periksa seperti biasa.
5. Jika hanya menyentuh sebahagian bahan sahaja, maksimum **Kepujian. (20-25 markah)**.
6. Karangan **tidak sampai** 140 patah perkataan, maksimum **Memuaskan (15-19 markah)**.
7. Karangan **melebihi** 210 patah perkataan tidak layak mendapat cemerlang. Maksimum **Kepujian (20-25 markah)**.

*** Jika calon menulis dalam bentuk point – maksimum peringkat TMTPM**

BAHAGIAN B: Karangan Respons Terbuka**(70 markah)**

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	Kegramatisan – kata (morfologi) - ayat (sintaksis) Tanda baca Ejaan
2. IDEA (ISI)	Tema Isi utama Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh) Releven
3. PENGOLAHAN	Wacana Logik Pemerenggan Format / Laras
4. GAYA BAHASA	Keindahan Bahasa Ungkapan Peribahasa

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	KRITERIA
Cemerlang 64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea yang relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai dengan tugas.
Kepujian 55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.



	<u>Pengolahan</u> • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai dengan tugas.
Baik 45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca masih betul. • Penggunaan pelbagai jenis ayat gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa masih menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan 35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>Tugasan</u> • Karangan masih/ kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis kata terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi.

	• Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih / kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan Minimum 21 – 34 (28 – 34) (21 – 27)	<u>Tugasan</u> • Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan / idea bercampur aduk. • Huraian tidak jelas / tidak berkembang . • Contoh tidak sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan tidak menarik. • Binaan perenggan tidak sesuai/ tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	• Karangan tidak menjawab tugas/Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami. • Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Wacana tidak lengkap, binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.

**MARKAH MAKSIMUM
KARANGAN BAHAGIAN A
BAGI KARANGAN KURANG DARIPADA 150 PATAH PERKATAAN/
TERPESONG ISI DAN LAIN DARIPADA TAJUK**

Jumlah Perkataan	Tahap pemeriksaan ikut peringkat	Markah maksimum
100 – 139	Memuaskan atas	19
51 – 99	Pencapaian minimum atas	14
Kurang 50	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	09

**MARKAH MAKSIMUM
KARANGAN BAHAGIAN B
BAGI KARANGAN KURANG DARIPADA 350 PATAH PERKATAAN/
TERPESONG ISI DAN LAIN DARIPADA TAJUK**

Jumlah Perkataan	Tahap pemeriksaan ikut peringkat	Markah maksimum
300 – 339	Baik bawah	45
251 – 299	Memuaskan bawah	35
Kurang 251	Penguasaan minimum	27
Terpesong isi Lebih 350	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum atas	20
Terpesong isi 300 - 349	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum atas	15
Terpesong isi 251 - 299	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum atas	11
Terpesong isi Kurang 251	Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	09

3.0 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

Semasa memeriksa, tandakan kesalahan - kesalahan isi, bahasa, dan ejaan seperti berikut:

(	)	=	kesalahan isi.
_____		=	kesalahan bahasa, penggunaan perkataan dan frasa
/		=	kesalahan ejaan yang pertama
//		=	kesalahan ejaan yang berulang
0		=	kesalahan tanda bacaan

(Kesalahan kata majmuk juga dianggap sebagai kesalahan ejaan)

BAHAGIAN B (70 markah)

Format penulisan komen :

- T** - menjawab tugas
- I** - idea relevan, huraian jelas
- B** - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat
- P** - pengolahan menarik dan berkesan

Soalan 1

Kehendak Soalan:

Calon dikehendaki menulis sebuah karangan tentang **kepentingan-kepentingan/ kelebihan kelebihan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kelebihan-kelebihan semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat** seperti yang terdapat dalam petikan – **mewujudkan sebuah kehidupan yang harmoni dan aman, memupuk nilai kerjasama dan menjamin keselamatan diri dan ahli masyarakat setempat.**

Kemungkinan jawapan calon:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan- periksa seperti biasa.
2. Sekiranya calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain - maksimum **Kepujian**.
3. Jika calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum **Kepujian**.
4. Sekiranya calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **Baik**.

Soalan 2

Kehendak Soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **kepentingan-kepentingan/ kelebihan kelebihan/ manfaat-manfaat/ faedah-faedah/ kebaikan-kebaikan** pelibatan murid-murid dalam aktiviti **Sambutan Hari Kemerdekaan** seperti yang terdapat dalam petikan – **memperkukuh semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, menghargai jasa dan pengorbanan tokoh terdahulu dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid.**

Kemungkinan jawapan calon:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan- periksa seperti biasa.
2. Sekiranya calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain - maksimum **Kepujian.**
3. Jika calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum **Kepujian.**
4. Sekiranya calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum **Baik.**

Soalan 3

Kehendak Soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan **cara-cara/ langkah-langkah/ usaha/usaha/ cara-cara** untuk mengatasi gejala sosial dalam kalangan remaja – idea luar bahan : **memberikan didikan agama dan moral, meluangkan masa bersama anak-anak, mengadakan kempen kesedaran, menayangkan program yang berunsur positif dan lain-lain.**

Kemungkinan jawapan calon:

1. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TMTPM.**
2. Bilangan patah perkataan **511 dan ke atas** – maksimum peringkat **Kepujian.**
3. Bilangan patah perkataan **339 dan ke bawah** – maksimum peringkat **Baik.**

Soalan 4***Kehendak Soalan:***

Calon dikehendaki menghuraikan **faktor yang dinyatakan dalam petikan dan faktor-faktor lain masalah penggabaaian anak-anak terhadap ibu bapa – kekurangan didikan agama dan moral (dalam bahan : WAJIB AMBIL), mengejar kerjaya, masalah kewangan dan lain-lain.**

Kemungkinan jawapan calon:

1. Calon perlu menghuraikan idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan.
2. Sekiranya calon menghuraikan idea-idea luar sahaja - maksimum **Kepujian**
3. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TMTPM**.
4. Bilangan patah perkataan **511 dan ke atas** – maksimum peringkat **Kepujian**.
5. Bilangan patah perkataan **339 dan ke bawah** – maksimum peringkat **Baik**.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT